




# LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SABTU / 17 FEBRUARI 2024



Disediakan Oleh :  
Cawangan Komunikasi Korporat



# TAJUK BERITA

1. SELARAS HARGA BERAS TINDAKAN 'MENANG-MENANG' - NACCOL - UTUSAN MALAYSIA
2. JERAMI GULUNG TARIKAN KG. BENUA - UTUSAN MALAYSIA
3. DASAR KATEGORI TUNGGAL BERAS PUTIH BAHAYAKAN INDUSTRI, JEJAS PESAWAH - BERITA HARIAN
4. MESYUARAT NACCOL, PUTUSKAN HARGA KAWALAN BERAS MINGGU DEPAN - BERITA HARIAN
5. KERAJAAN SEDIA MUKTAMADKAN HARGA BERAS MINGGU DEPAN - BERITA HARIAN
6. HARGA KAWALAN BERAS DIPUTUS MINGGU DEPAN - SINAR HARIAN
7. PELAKSANAAN BERAS MADANI CETUS KEBIMBANGAN PENIAGA - SINAR HARIAN
8. PERINCIKAN STATUS BERAS PUTIH MADANI - SINAR HARIAN
9. JIMAT RM100 PUN DAH CUKUP - SINAR HARIAN
10. HARGA KAWALAN BERAS DIMUKTAMADKAN MINGGU DEPAN - HARIAN METRO
11. 'RUGI PULA JIKA TIDAK SINGGAH DI SINI' - KOSMO
12. PM CONFIDENT THAT RICE PRICE CAN BE REDUCED - NEWS STRAIT TIMES

# Selaras harga beras tindakan 'menang-menang' - Naccol

Oleh FITRI NIZAM  
fitri.nizam@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Harga beras putih Malaysia Madani yang ditetapkan pada RM30 bagi kampit 10 kilogram merupakan langkah menang-menang untuk semua pihak termasuk pesawah, pengilang dan pengguna.

Ia disebabkan penyelarasan harga beras putih tempatan dan import pada satu kadar sama dijangka mampu menamatkan tindakan memanipulasi bekalan makanan ruji rakyat Malaysia tersebut setiap kali berlaku kenaikan harga di peringkat global.

Pengerusi Majlis Tindakan Sara Hidup (Naccol), Datuk Seri Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, isu yang membekalkan dalam industri beras negara sebelum ini adalah disebabkan harga beras putih tempatan dikawal iaitu pada kadar RM26 bagi kampit 10 kilogram.

Bagaimanapun, katanya, harga beras putih import pula langsung tidak dikawal sehingga berlaku lonjakan mendadak di pasaran tempatan.

"Apa yang berlaku adalah pengilang, pemborong dan peruncit mengambil kesempatan menjual beras putih import pada kadar melebihi RM40 bagi kampit 10 kilogram sedangkan beras putih tempatan kekal pada kadar lama."

"Oleh kerana pengeluaran beras putih tempatan melebihi 60 peratus, jadi ada pihak tidak bertanggungjawab menjualnya dalam kampit beras import supaya dapat mengaut keuntungan berganda," katanya-ketika



**Jadi apabila kerajaan memperkenalkan beras putih Malaysia Madani bagi menggantikan kategori beras putih tempatan dan import ia adalah situasi menang-menang untuk semua pihak."**

**SYED ABU HUSSIN HAFIZ  
SYED ABDUL FASAL**

dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Menurutnya, tindakan itu mengakibatkan berlakunya kekurangan bekalan beras putih tempatan di pasaran sehingga menyebabkan pengguna secara keseluruhannya terpaksa membeli beras import pada harga tinggi.

"Jadi apabila kerajaan memperkenalkan beras putih Malaysia Madani bagi menggantikan kategori beras putih tempatan dan import ia adalah situasi menang-menang untuk semua pihak."

"Rakyat dapat membeli beras pada harga munasabah tak kira beras tempatan atau import," katanya.

Sebelum ini, Syed Abu Hus-

sin Hafiz mengumumkan bahawa kerajaan memperkenalkan Beras Putih Malaysia Madani bagi menggantikan kategori beras putih tempatan dan import di pasaran negara.

Mekanisme terbaru itu kategori beras putih tempatan (SST) dan beras putih impor (SSI) dimansuhkan melainkan Beras Putih Malaysia Madani sebagai kategori beras tunggal di pasaran negara.

Buat masa ini, harga beras tempatan ditetapkan pada RM26 setiap 10kg manakala beras import kampit 10kg berharga antara RM36 hingga RM38.

Bagaimanapun mulai 1 Mac ini, pengguna boleh mendapatkan bekalan beras putih berharga RM30/kampit di pasaran,

12

Utusan Malaysia  
SABTU • 17 FEBRUARI 2024**Dalam Negeri**

# Jerami gulung tarikan Kg. Benua

Oleh **JAMLIAH ABDULLAH**  
[utusannews@mediamulia.com.my](mailto:utusannews@mediamulia.com.my)

**ALOR SETAR:** Kampung Benua di Simpang Empat, dekat sini tiba-tiba menjadi tumpuan orang ramai termasuk dari luar negeri pada cuti persekolahan untuk mengunjungi replika jerami gulung.

Lebih menarik, di kawasan yang sama penduduk setempat mengambil kesempatan untuk bermain wau sempena musim kemarau yang melanda Kedah ketika ini sekali gus menambah keindahan latar jerami gulung ilham penduduk setempat itu.

Seorang pengunjung dari Jengka, Pahang, Zulkarnaen Abdullah, 51, mengakui sangat teruja melihat keindahan jerami gulung yang berlatarkan sawah itu.

"Kebetulan kami enam beranak datang ke Kedah untuk mengambil anak yang belajar di Pondok Darsa dekat Kuala Nerang dan terdengar cerita tentang jerami gulung ini. Memang teruja dan seronok kerana pemandangan ini adalah sesuatu yang baharu untuk kami.



ORANG ramai tidak melepaskan peluang mengunjungi jerami gulung yang menjadi tarikan pengunjung setiap kali tiba musim panas di Kampung Benua, Simpang Empat, Kedah. - UTUSAN / SHAHIR NOORDIN

"Ada juga orang bermain wau jadi ia sangat menarik. Bagi saya aktiviti seperti ini perlu diteruskan dan ditambah baik

kerana ia boleh menjadi tarikan pelancong," katanya ketika ditemui dekat sini semalam.

Menurut penduduk, Tan

Ngee Keng, 62, dia yang menetap tidak jauh dari kawasan itu juga tidak melepaskan peluang bersiar-siar di kawasan tersebut.

"Seronok sebab tiba-tiba Kampung Benua ini jadi tumpuan. Saya setiap hari datang berjalan-jalan di sini," katanya.

Menurut penduduk yang terlibat dengan pembinaan replika jerami gulung berkenaan, Radzi Ahmad, sekitar 100 penduduk kampung pelbagai lapisan umur bergotong-royong membina replika jerami gulung itu sejak sebulan lepas.

"Kami keluarkan wang sendiri lebih kurang RM500 untuk beli peralatan untuk mengindahkan jerami gulung ini dengan kerjasama pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang menggunakan jerami ini.

"Kami menggunakan 16 jerami gulung kecil dan enam jerami gulung besar untuk buat replika. Aktiviti ini mengumpulkan penduduk kampung termasuk anak muda untuk melakukan aktiviti berfaedah," katanya.

Kampung Benua berasal dari perkataan 'Benua Siam' yang diberi peneroka kawasan tersebut dari Thailand selepas pembinaan Terusan Wan Mat Saman lebih 100 tahun lepas.

Sabtu, 17 Februari 2024 | 7 Syaaban 1445 | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) | RM2

# Mesyuarat NACCOL putuskan harga kawalan beras minggu depan

*Wadah Pembaharuan*

# BH

**BeritaHarian**

Diterbit sejak 1957

[www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim beri jaminan harga dapat dikurangkan selepas beberapa perincian diteliti termasuk perolehan beras, pemberian kontrak serta keuntungan diperoleh. *Nasional* 3



**MukaSepuluh**  
E-mel: [bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)  
BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Sabtu, 17 Februari 2024 

# Dasar kategori tunggal beras putih bahayakan industri, jejas pesawah

• Sesuatu polisi perlu bersifat strategik kerana mempengaruhi prestasi industri dengan semua pemegang taruh daripada petani, peniaga, pengilang, pengimport hingga pengguna

• Rata-rata penggubal polisi memandang sebalah mata bahawa industri beras negara sudah jauh ketinggalan berbanding Thailand, Vietnam, Indonesia dan India yang maju dan dinamik

Oleh Prof Datin Dr Fatimah Mohamed Arshad  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)

Felo Purunding dan Pernegang Kursi Keterjaminan Makanan, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Langkah kerajaan memperkenalkan kategori tunggal bagi beras putih, iaitu Beras Putih Malaysia MADANI (BPMM) merangkumi beras putih tempatan dan import, mendedahkan tiga kekurangan utama.

Pertama, kelemahan dalam pembuatan polisi. Kedua, ketidakfahaman isu sektor beras dan ketiga, tiada analisis impak polisi ke atas industri serta pihak berkepentingan, terutama pesawah dan pengguna.

Kerajaan menampilkkan kontradiksi dalam menangani masalah beras campur. Sebelum ini, campuran beras diharankan, tetapi kini kedua-dua kategori beras dijadikan satudun jenama. Ini bermakna pengilang bebas mencampurkannya atau mengasingkannya di bawah satu jenama. Ia seolah-olah 'menghalalkan yang haram'.

Sebenarnya, sesuatu polisi perlu bersifat strategik kerana mempengaruhi prestasi industri dengan semua pemegang taruh daripada petani, peniaga, pengilang, pengimport hingga pengguna. Agihan beban kos dan faedah polisi tidak setara antara golongan ini hingga menjadikan sesuatu polisi akan menentukan pertumbuhan, kemajuan nilai tambah serta kelestarian industri.

Contoh polisi gagal ialah perlesenan dan membati bilangan pembekal benih kepada 12 pembekal menyebabkan tiada persatuan, kelewatan dan padi hampa kepada petani.

Contoh lain, pemusatan agihan baja menyebabkan kelewatan baju antara 20 hingga 200 hari dan formula sama diberikan kepada semua jenis tanah. Digabungkan dengan masalah sawah lain, hasil pada menurun daripada 4.5 tan/ha kepada 3.6 tan/ha hingga petani terus berada dalam kemiskinan tetapi agensi seperti Pertubuhan Peladang Kebangsaaan (NAFAS), Padibera Nasional Berhad (BERNAS), pengilang dan peniaga terus menimbah keuntungan.

Lazimnya pembuatan sesuatu polisi membabitkan kertas putih menganalisis kos, faedah, impak ke atas pihak berkepentingan serta kelestarian sektor tetapi budaya ini tidak dipandang serius.

Justeru, polisi terbaru mencerminkan perkiraan impak polisi ke atas industri dan pesawat nampaknya tipis dan tidak dalam. Beberapa persoalan utama perlu dijawab.

Pertama, apakah beban kos kepada kerajaan? Ke dua, siapakah yang untung dan rugi dan agihannya? Ketiga, apakah impak kawalan kepada industri

tri, terutama pengeluaran padi tempatan dan pesawah?

Keempat, apa berlaku apabila harga meningkat naik lebih tinggi atau menurun daripada paras ditetapkan dan siapa menerima untung serta menang rugi? Kelima, bagaimana polisi ini mempengaruhi Sabah dan Sarawak?

Pemilihan strategi BPMM hanya mencerminkan ketidakfahaman kepentingan penggredan dan spesifikasi.

Pertama, Malaysia memiliki pelbagai varieti beras daripada pelbagai lokasi. Cuma di Semenanjung, petani menanam kurang 20 varieti beras di cadangkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Gred beras diperkenalkan ialah SST 5 peratus dan SST 10 peratus, manakala SST 15 peratus ditarik balik pada 2016 setelah diperkenalkan ketika krisis 2008 melalui subsidi ke atas kilang dan BERNAS untuk mengeluarkan beras kepada golongan miskin.

Ia dijual pada paras RM1.86 satu kilogram (kg) berbanding beras RM2.40/kg dan RM2.60/kg masing-masing bagi beras SST 5 peratus dan SST 15 peratus. Namun, beras ini tidak kedapatan kerana pengilang dan peniaga mencampurkan beras ini dengan beras SST 10 peratus dan SST 15 peratus untuk mendapatkan keuntungan.

**Penggredan penting untuk peniaga pesawah**

Apabila harga beras import meningkat kepada RM3.50/kg, beras tempatan tidak kedapatan di kedai kerana kegiatan campuran beras.

Bererti, polisi menetapkan harga beras tempatan dan mengapungkan harga beras import akan menyebabkan kegiatan campuran haran beras, bukannya kerajaan gred berbeza. Maka penyelesaian terletak dalam polisi harga, bukan gred beras.

Kedua, tidak menyedari komposisi, citra rasa dan gaya hidup pengguna pelbagai serta berbeza. Maka, poli sebenar adalah untuk pengguna miskin dan sebaliknya.

Ketiga, rata-rata penggubal polisi memandang sebalah mata bahawa industri beras negara sudah jauh ketinggalan berbanding Thailand, Vietnam, Indonesia dan India yang maju dan dinamik kerana tidak melaksanakan polisi perlindungan komprehensif seperti Malaysia.

Juga wujud ketidakfahaman fungsi penggredan dalam sistem makanan. Penggredan penting untuk faedah semua pemain pasaran. Kepada pengguna, gred untuk kepastian kualiti, manakala bagi petani, atas dianggap 'adil' dan tidak tertakluk kepada manipulasi pembeli atau pengilang.

Secara kasar, beberapa impak terjungka satir gred dan harga seragam untuk beras tempatan serta import akan berlaku.

Pertama, penetapan harga pada paras RM3.50/kg bererti kerajaan memberi subsidi kepada pengguna

Sidang Redaksi | Pengarang Kumpulan DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN [madzaini@mediaprime.com.my](mailto:madzaini@mediaprime.com.my) | Timbalan Pengarang Kumpulan M THILLY LINADAN [thilly@bh.com.my](mailto:thilly@bh.com.my)

BH Sabtu, 17 Februari 2024

Nasional

3

# Kerajaan sedia muktamadkan harga beras minggu depan

**Anwar maklum pelbagai pendekatan untuk kurangkan beban rakyat**

Oleh Nur Izzati Mohamad  
bhnews@bh.com.my

**Bukit Mertajam:** Kerajaan akan memuktamadkan harga beras pada minggu depan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim, sambil melahirkan keyakinan kadarnya mampu dikurangkan daripada paras yang sudah diumumkan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Perdana Menteri yakin, harga beras yang dikawal dapat dikurangkan selepas beberapa perincian diteliti dalam mesyuarat khas NACCOL yang berlangsung minggu depan.

Katanya, dalam mesyuarat itu beberapa cadangan akan dikemukakan sebelum harga kawalan beras diputuskan secara muktamad.

"Dalam hal ini, harga beras tak boleh rendah sangat, tetapi saya yakin (ia) boleh dikurangkan dengan cara kita teliti perolehan beras, pemberian kontrak serta keuntungan yang diperoleh," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Jualan Termurah MADANI di Bandar Perda, di sini semalam.

Yang turut hadir Pengurus Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, NACCOL, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang.

Kerajaan sebelum ini dilapor akan memperkenalkan kategori tunggal bagi beras putih dikenali sebagai Beras Putih Malaysia MADANI untuk menggantikan kategori beras putih tempatan dan import dalam pasaran negara ini.

Syed Abu Hussin ketika mengumumkan perkara itu berkata, kerajaan turut menetapkan harga siling bagi beras putih pada kadar RM30 bagi kampit 10 kilogram (kg), manakala RM15.50 (5kg) dan RM3.50 (1kg) berkuat kuasa 19 Februari ini.

Dalam pada itu, Anwar memaklumkan mesyuarat khas NACCOL sepatutnya sudah pun berlangsung, namun terpaksa ditangguhkan ke minggu hadapan atas sebab mendesak.

Beliau bagaimanapun tidak menjelaskan punca penangguhan itu sama ada mempunyai kaitan dengan pengenalan Beras Putih Malaysia MADANI yang dijangka mula berada dalam pasaran 1 Mac ini.

## Tangani isu kartel

Sementara itu, Perdana Menteri memaklumkan kerajaan akan mengambil pelbagai pendekatan untuk mengurangkan beban rakyat dengan menggunakan kuasa bagi menangani isu kartel beras.

"Kita faham kalau rugi, tidak ada siapa nak berniaga.... tetapi janganlah ambil untung tinggi sangat. Sebab jika untung terlalu tinggi harga jualan di pasaran akan meningkat sekali gus rakyat terbebani."

"Selain itu, kita juga ada pegawai yang tekun dan bersungguh-sungguh jalankan tugas, sebab itu dalam beberapa hal seperti mana kita apungkan harga ayam (berlaku)."

"Masa dulu ada kata kartel tunggu, tapi siapa pun tak be-



Orang ramai membeli Beras Putih Malaysia MADANI pada Jualan Termurah MADANI di Lembah Makanan Bandar Perda, Bukit Mertajam, semalam.  
(Foto Danial Saad/BH)

rani sentuh. Jadi, baru-baru ini kita beritahu panggil dia (pengilang atau pembekal) tanya berapa untung... kalau lebih sangat, kuasa kerajaan akan digunakan untuk pertahanan rakyat," katanya.

Sementara itu, orang ramai mula membanjiri Lembah Makanan Bandar Perda semalam kerana tidak mahu melepaskan peluang mendapatkan barang keperluan harian pada harga lebih murah terutama Beras Putih Malaysia MADANI yang dijual harga RM30 dengan berat 10kg sekam pit.

"Saya sudah beritahu Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, untuk bincang kalau boleh jadikan ini (Jualan Termurah MADANI) sebagai program kerajaan selepas diteliti semua jabatan dan agensi kerajaan, te-

rutama di bawah Kementerian Pertanian serta KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup)," katanya.

Sementara itu, orang ramai mula membanjiri Lembah Makanan Bandar Perda semalam kerana tidak mahu melepaskan peluang mendapatkan barang keperluan harian pada harga lebih murah terutama Beras Putih Malaysia MADANI yang turut dijual di program itu.

"Kebanyakan mereka juga menyifatkan inisiatif Jualan Termurah MADANI banyak memberi manfaat kepada rakyat bagi meringankan beban dalam menangani isu kos sara hidup."

Program berkenaan memfo-

**6 NASIONAL**  
SINAR HARIAN • SABTU 17 FEBRUARI 2024

# Harga kawalan beras diputus minggu depan

Isu harga kawalan beras akan menjadi salah satu agenda utama pada Mesyuarat NACCOL

**BUKIT MERTAJAM**

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, isu harga kawalan beras, akan menjadi salah satu agenda utama pada Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Majlis Tindakan Saraw Hidup (NACCOL), minggu depan.

Menurutnya, mesyuarat yang sepatutnya bersidang lebih awal, ditangguhkan ke minggu depan bagi memasukkan hal yang lebih mendesak seperti harga kawalan beras.

"Kita tahu mengapa harga kawalan beras di Yaman, tapi ini juga menyebabkan kos naik. Lalu, ini terhalang disebabkan kemarahan rakyat terhadap kezaliman Israel dan perang di Gaza."

"Walaupun ia (harga) tidak boleh rendah sangat, namun saya yakin boleh dikurangkan jika kita lihat semua faktor bekalan dan permintaan rakyat."

"Namun kita tidak akan jadi ikut dalam kerajaan Malaysia akan mencari jalan sedaya upaya untuk kurangkan berat rakyat melalui inisiatif seperti Jualan Rahmah dan Jualan Termurah Madani, selain memberi suntikan melalui bantuan-bantuan seperti Sumbangan Tunai Rahmah dan eBelia Rahmah," ujarnya.

**Perincikan status beras putih Madani**

**KUALA TERENGGANU** - Kerajaan diminta memperincikan status Beras Putih Malaysia Madani sama ada ia merupakan beras putih tempatan (SST), beras putih import (SSI) atau beras campuran tempatan dan import.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, persoalan itu perlu mendapat penjelasan kerana terdapat perbezaan harga bagi setiap kategori beras tersebut.

"Jika ia beras tempatan bermakna ada kenaikan harga kira-kira RM1 bagi setiap kilogram (kg) berbanding harga sebelumnya RM2.50/kg."

"Kalau ia beras import bermakna ada penurunan harga ke-

rana sebelum ini beras import biasanya dijual sekitar RM3.80/kg."

"Sekiranya ia adalah beras campuran tempatan dan import, komposisi campurannya sudah tentu lah mengandungi 60 hingga 70 peratus beras tempatan, bakinya adalah beras import," katanya dalam kenyataan.

Bagaimanapun, Azman berpendangan beras tersebut mungkin bukan daripada beras import kerana kuantiti beras berkenaan hanya sekitar 33 peratus daripada keperluan negara.

"Katanya, sebarang kenaikan melibatkan harga bekalan sum-

**ALOR SETAR** - Pertubuhan Peniaga-Peniaga Beras Kedah menyatakan kebimbangan berhubung cadangan memperkenalkan Beras Putih Malaysia Madani menggantikan kategori beras putih tempatan dan import pada harga RM30 setiap 10 kilogram (kg).

Pengerusi Pertubuhan Peniaga-Peniaga Beras Kedah, Tan Swee Huat berkata, peluang harus diberikan untuk perbincangan terlebih dahulu, selain mengambil kira kebimbangan pihak industri sebelum pelaksanaan dibuat.

Menurutnya, jika harga beras putih tempatan disamarkan dengan beras import, tetapi kos beras putih import begitu mahal di mana pemborong perlu melalui proses saringan, pembungkusan, bayaran pengangkutan, upah, perakaunan dan lain-lain, sudah pasti harga

**Pelaksanaan beras Madani cetus kebimbangan peniaga**

**SWEE HUAT** RM30 bagi 10 kg tidak dapat dijual. "Pertubuhan Peniaga-Peniaga Beras Kedah percaya bahawa kerajaan harus mempertimbangkan bawanya beras putih yang diimport akan dipengaruhi oleh keadaan pasaran antarabangsa dan turun naik mata wang, oleh itu, adalah sukar untuk menetapkan harga tertentu," katanya.

Menurutnya, memandangkan pada masa ini terdapat kekurangan beras kira-kira 40 peratus di seluruh negara, mengakibatkan bekalan tidak mencukupi dan kekurangan beras import yang serius di pasar boleh menyebabkan pembelian panik semula.

"Kami mengesyorkan bahawa jika dibenarkan, harga beras putih yang diimport hendaklah dibenarkan terapung bebas untuk mengekalkan bekalan dan memenuhi permintaan pasaran," ujarnya.

**Tadbir urus kerajaan nampak bercelarau - Radzi Jidin**

**SHAH ALAM** - Naib Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin mempersoalkan kecelaruan yang timbul berkaitan isu pelarasan baharu beras putih tempatan dan import yang umumkan sebagai Beras Putih Malaysia Madani.

Menurutnya, pengumuman dibuat Pengurus Task Force (Kluster Makanan), Majlis Tindakan Kos Saraw Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin juga dilahir beranggahan dengan maklum balas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Persoalan saya, mana menteri yang bertanggungjawab? Mengapa Pengurus Task Force (Kluster Makanan) NACCOL yang umum keputusan? Ramai pihak yang keliru dengan pengumuman.

"Nampak tak betapa bercelarunya proses pembuatan dasar kerajaan ni? Mana satu yang betul sebenarnya? Ini bukan kali pertama sebegini," katanya.

**AZMAN**

**MOHD RADZI**

**Bukit Mertajam**

**O**rang ramai mula membanjiri Lembah Makanan, Perda di sini, sejak awal pagi kerana tidak mahu melepaskan peluang mendapatkan barang keperluan dengan harga lebih murah terutama Beras Putih Malaysia Madani pada Jualan Termurah Madani, semalam.

Kebanyakan mereka juga menyifatkan inisiatif Jualan Termurah Madani banyak memberi manfaat kepada rakyat bagi meringankan beban dalam menangani isu kos sara hidup.

Program berkenaan memfokuskan kepada penawaran produk makanan asas utama seperti ayam, daging, sayur-sayuran, buah-buahan, barang kawalan dan runtut yang dijual pada harga murah.

Pekerja kilang Mohd Syukran Rahmad, 50, berkata dia datang seawal jam 7.30 pagi untuk mendapatkan Beras Putih Malaysia Madani yang dijual pada harga RM30 dengan berat 10 kilogram (kg) sekampit.

"Saya datang dengan isteri dan kami dapat beli dua kampit beras, dapatlah bertahan selama sebulan dan kami turut beli beberapa barang keperluan lain seperti gula, tepung gandum, minyak paket, ayam dan ikan pada harga murah berbanding pasaran.

"Saya dan isteri selalu nya memang akan pergi beli barang keperluan di



ORANG ramai tidak melepaskan peluang membeli Beras Putih Malaysia Madani pada Jualan Termurah Madani di Bandar Perda.  
- Gambar NSTP/DANIAL SAAD

## PM yakin harga beras dapat dikurangkan

**Bukit Mertajam:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin harga beras dapat dikurangkan selepas beberapa perincian diteliti oleh Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (Naccol).

Anwar berkata, mesyuarat Naccol yang sepatutnya sudah berlangsung namun terpaksa ditangguhkan ke minggu hadapan atas sebab yang mendesak.

Menurutnya, dalam mesyuarat itu nanti akan mengemukakan beberapa cadangan sebelum memutuskan harga kawalan beras secara mutkamad.

"Dalam hal ini, harga beras tak boleh rendah sangat tetapi saya yakin boleh dikurangkan dengan cara kita teliti perolehan beras, pemberian kontrak serta keuntungan yang diperoleh," katanya.

tanya ketika berucap pada Program Jualan Termurah Madani di Bandar Perda di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kerajaan akan mengambil pelbagai pendekatan untuk mengurangkan beban rakyat dengan menggunakan kuasa bagi menangani isu kartel beras.

"Kita faham kalau rugi, tidak ada siapa nak berniaga tetapi janganlah ambil untung tinggi sangat, sebab jika untung terlalu tinggi harga jualan di pasaran akan meningkat sekali gus rakyat terbebani.

"Selain itu, kita juga ada pegawai yang tekun dan bersungguh-sungguh jalankan tugas sebab itu dalam beberapa hal seperti mana kita apungkan harga ayam (berlaku)," katanya.

### ORANG RAMAI 'SERBU' JUALAN TERMURAH MADANI

## 'JIMAT RM100 PUN DAH CUKUP...'

**Saya datang seawal jam 7.30 pagi untuk dapatkan Beras Putih Malaysia Madani Syukran**

Jualan Madani atau Jualan Rahmah yang dianjurkan di sini kerana kami dapat berjimat. Sekurang-kurangnya dapat jimat sehingga RM100 sebulan...itu dah cukup baik untuk keluarga saya," kata bapa kepada tiga anak itu.

Suri rumah Nurul Atikah Mohd Fauzi, 35, pula berkata dia dapat berjimat sehingga 30 peratus dengan

membeli-belah di Jualan Termurah Madani, semalam dan tumpuannya adalah beras serta barang kering untuk kegunaan harian di rumah.

Dia yang tinggal di Permatang Pauh dan mempunyai tiga anak berkata selain murah, barang-barang ditawarkan juga berkualiti malah ada yang jauh lebih murah berbanding harga pasaran.

"Macam harga ayam mungkin di pasar sekilo RM9 lebih tapi di sini (Jualan Termurah Madani) sekilo baru RM7.50 malah di sini juga terdapat pelbagai pilihan ikan dijual dengan harga murah berbanding jualan (ikan) di Jualan Madani atau Jualan Rahmah biasa.

"Sebenarnya, bila ada peluang jualan murah seperti ini sedikit sebanyak sangat melegakan kami," katanya.

# Harga kawalan beras dimuktamad minggu depan

**SEBERANG PERAI** – Kerajaan dijangka memuktamadkan harga kawalan beras pada Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL), minggu depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu sepatutnya diumumkan lebih awal, namun disebabkan beberapa hal lain yang lebih mendesak sehingga terpaksa ditangguhkan terlebih dahulu buat masa ini.

"Tak boleh rendah sangat, tetapi saya yakin boleh dikurangkan (harga beras) kalau kita teliti boleh (dapat) daripada mana, kontraktor itu bagi kepada siapa, untung berapa banyak dan sebagainya.

"Kalau rugi, tak ada orang nak berniaga (beras).

"(Untung) boleh tapi jangan tinggi sangat. Kalau untung tinggi sangat, harga di pasaran jadi dah tinggi. Jadi, kalau unfung tinggi sangat, kita kata kurang sikit.

"Kita tengok pemasaran dia lagu (macam) mana. Kalau semua ini kita boleh buat dan ini yang pegawai-pegawai kita tekun untuk jalankan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena kunjungannya ke Program Jualan Termurah Madani di Lembah Makanan, Bandar Perda, Bukit Mertajam di sini semalam.

Terdahulu, Ahli Parlimen Tambun itu tiba kira-kira pukul 8.15 pagi sebelum disambut oleh ribuan penduduk setempat yang setia menunggu di situ seawal 7 pagi.

Dalam pada itu, Anwar berkata, kerajaan berhasrat menjadikan Program Jualan Termurah Madani sebagai salah satu daripada program di bawah kendalian kerajaan sepenuhnya selepas ini.

Kata beliau, ini susulan pernaraian baik rakyat negara ini terhadap program tersebut yang diadakan bertujuan mengurang-

kan beban mereka, khususnya dalam menangani kos sara hidup yang semakin tinggi ketika ini.

"Saya ucap terima kasih kepada sahabat-saya, Syed Hussin (Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal). Daripada Program Jualan Rahmah dan sebagainya, inisiatif beliau nampaknya telah bertapak di banyak kawasan Parlimen lain, daerah-daerah dan sebagainya.

"Jadi, saya minta beliau untuk bersama dalam NACCOL untuk kemukakan cadangan beliau supaya kerajaan boleh ambil tindakan bersama termasuk berkaitan Beras Madani.

"Saya juga dah beritahu saudara Mat Sabu (Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu) untuk bincang kalau boleh jadikan ini (Jualan Termurah Madani) sebagai program kerajaan setelah diteliti oleh semua jabatan dan agensi kerajaan," katanya.



ANWAR (tengah) hadir ke Program Jualan Termurah Madani di Lembah Makanan, Bandar Perda, Bukit Mertajam, semalam.

Kosmo/SABTU 17 FEBRUARI 2024

Negara! 15

Pengunjung luar Kedah teruja kunjungi replika jerami gulung Kampung Benua

## 'Rugi pula jika tidak singgah di sini'

Oleh JAMILIAH ABDULLAH

**ALOR SETAR** — Replika jerami gulung di Kampung Benua, Simpang Empat, dekat sini, hasil ilham penduduk setempat itu menjadi lokasi wajib untuk dikunjungi orang ramai termasuk dari luar negeri lebih-lebih lagi pada cuti sekolah ketika ini.

Lebih menarik di kawasan sama, penduduk setempat mengambil kesempatan untuk bermain wau sempena musim kemarau yang melanda Kedah ketika ini sekali gus menambah keindahan latar jerami gulung.

Pengunjung dari Jengka, Pahang, Zulkarnaen Abdullah, 51, mengakui sangat teruja melihat keindahan jerami gulung berlatarkan pemandangan sawah.

"Kebetulan kami enam beranak datang ke Kedah untuk mengambil anak yang belajar di Pondok Darsa dekat Kuala Nerang dan terdengar cerita tentang jerami gulung ini.

"Rugi pula jika tidak singgah di sini. Memang teruja dan seronok kerana pemandangan ini adalah sesuatu yang baharu untuk kami.

"Di Pahang, cuma ada kelapa sawit. Di sini ada juga orang bermain wau, jadi ia sangat menarik. Bagi saya aktiviti seperti ini perlu diteruskan dan ditambah baik kerana ia boleh menjadi tarikan pelancong," katanya ketika ditemui di sini kelmarin.


Sementara itu, menurut penduduk, Tan Ngee Keng, 62, dia yang menetap tidak jauh dari kawasan itu tidak melepaskan peluang bersiar-siar di situ.

"Seronok sebab tiba-tiba Kampung Benua ini jadi tumpuan. Saya setiap hari datang bersiar-siar di sini dan tengok orang ramai sangat gembira jadi saya pun tumpang gembira.


"Saya rasa jerami gulung ini boleh dijadikan acara tahunan termasuk pertandingan wau,



ORANG ramai tidak melepaskan peluang bergambar kenangan di Kampung Benua, Simpang Empat di Alor Setar kelmarin.



REPLIKA jerami gulung yang dilusahkan penduduk setempat sejak sebulan lalu kini menjadi tarikan pengunjung.



KANAK-KANAK teruja bermain jerami gulung di Kampung Benua. — SHAHIR NOORDIN

mungkin kerajaan negeri boleh usahakan sesuatu. Ia secara tidak langsung dapat memperkenalkan Kampung Benua," ujarnya.

Menurut penduduk yang terlibat membina replika jerami gulung berkenaan, Radzi Ahmad, 40, orang kampung daripada pel-

bagai lapisan umur bergotong-royong membina replika jerami gulung itu sejak sebulan lalu.

"Kira-kira 100 penduduk terli-

bat dan kami keluar wang sendiri kira-kira RM500 untuk beli barang hiasan bagi mengindahkan jerami gulung ini. Kami juga mendapat kerjasama daripada MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) yang menggulung jerami ini.

"Kami gunakan 16 jerami gulung kecil dan enam jerami gulung besar untuk buat replika. Sekurang-kurangnya belia di sini terisinya masa lapang," katanya.

Selain itu, katanya, lokasi tersebut juga menjadi tumpuan seramai 30 penggemar wau yang datang dari seluruh Kedah.

"Kampung Benua ini sangat bersejarah kerana memiliki Terusan Wan Mat Saman dan sekarang jadi buulan orang ramai dari seluruh negara, kami sangat berbangga," katanya.

Kampung Benua berasal dari perkataan 'Benua Siam' yang diberi peneroka dari Thailand selepas pembinaan Terusan Wan Mat Saman lebih 100 tahun lalu.

ESSENTIAL GOODS

# PM CONFIDENT THAT RICE PRICE CAN BE REDUCED

Cost of living council has detailed plans, says Anwar

AUDREY DERMAWAN  
BUKIT MERTAJAM  
[news@nst.com.my](mailto:news@nst.com.my)

PRIME Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim is confident that the price of rice can be reduced following several detailed proposals by the National Action Council on Cost of Living.

He said the council's meeting was postponed to next week due to pressing reasons.

"Several proposals will be tabled at the meeting before a final decision is made concerning the price control on rice.

"I am confident it can be reduced by careful sourcing of rice, awarding of contracts and profits," he said at the Jualan Termurah Madani Programme in Bandar Perda here yesterday.

Present were council chairman Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal and Tanjong Karang member of parliament Datuk Dr Zulkafperi Hanapi.

Anwar said the government would alleviate the burden on the people by using its authority to tackle the rice cartel issue.

"We understand that no one will do business if there is no



People buying Malaysia Madani white rice at the Jualan Termurah Madani programme in Bukit Mertajam yesterday. PIC BY DANIAL SAAD

profit. But don't take in too much profit. If you do so, the selling price will increase, therefore affecting the people."

"We also have diligent and earnest officers carrying out their duties, similar to when we floated the price of chicken."

"Previously, there was a notion that no one dares to touch the cartel. So we reached out to them (manufacturers or suppliers) and asked about their profits. If it is too much, we will use our power to defend the people."

Anwar said the government intended to put the Jualan Termurah Madani programme under its management due to the positive response from the people.

"I told Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mo-

hamad Sabu to discuss the possibility of making this programme a government programme after it is examined by all government departments and agencies, especially the Agriculture and Food Security Ministry and Domestic Trade and Cost of Living Ministry."

It was reported recently that the government would introduce the Malaysia Madani white rice priced at RM30 for a 10kg sack on Monday, which was expected to be available in the market from March 1.

Syed Abu Hussin said this meant there would no longer be local white rice and imported white rice categories, adding that the Malaysia Madani white rice would be the sole category.